



Ruj. Kami : JPT/BPP(E)1000-652/1 (31)  
Tarikh : 9 Disember 2009

## EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

Y.Bhg Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

## PENJELASAN MENGENAI STATUS KURSUS DALAM KRITERIA PENGAMBILAN PELAJAR ANTARABANGSA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan rujukan pekelling Jabatan ini bil JPT/GS1000-606 (2) bertarikh 28 September 2009 adalah berkaitan.

2. Sektor Pengurusan IPTS (SPIPTS) mengambil maklum bahawa terdapat banyak maklumbalas daripada pihak IPTS mengenai ketidaksediaan mereka untuk memenuhi kriteria berkaitan dengan penawaran kursus yang mempunyai akreditasi penuh sahaja kepada pelajar antarabangsa. Justeru itu, IPTS yang menawarkan kursus-kursus di peringkat provisional akreditasi, perlu memastikan kursus-kursus tersebut mendapat akreditasi penuh sebelum pelajar menamatkan pengajian mereka.

3. Kegagalan IPTS untuk mendapatkan akreditasi penuh akan menjejaskan kredibiliti mereka khususnya dalam pengambilan pelajar antarabangsa. SPIPTS tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan ke atas IPTS yang gagal untuk mematuhi kriteria ini. Pihak IPTS perlu mengambil tindakan sewajarnya dalam memastikan kursus yang ditawarkan berjaya mencapai akreditasi penuh.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menurut perintah,

(DATIN PROF. IR. DR. SITI HAMISAH BTE TAPSIR)

Timbalan-Ketua-Pengarah

Jabatan Pengajian Tinggi

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

.s.k

YB Menteri Pengajian Tinggi  
Kementerian Pengajian Tinggi

Ketua Pengarah  
Jabatan Pengajian Tinggi